

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) adakah Kerajaan dapat mengesahkan bahawa Jho Low kini berada di negara China; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengekstradisi dia untuk menghadapi perbicaraan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, berdasarkan siasatan pihak PDRM, dipercayai Jho Low tidak berada di Malaysia serta tidak berada tetap di satu-satu tempat di luar negara tetapi bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam usaha menghalang daripada dikesan serta menyukarkan pihak berkuasa menjalankan siasatan.

Yang Berhormat,

Antara langkah yang diambil untuk mengesan dan membawa balik Jho Low ke negara ini adalah dengan memasukkan penama dalam senarai “Red Alert” INTERPOL sejak 25 Mei 2018. Selain itu, Kementerian juga bekerjasama dengan pihak berkuasa luar negara bagi mengesan keberadaan individu berkenaan.